

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 May 2015

Setiap Perdana Menteri ada jasa kepada rakyat, negara – Najib

KLANG16 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak secara rendah diri tidak mahu mana-mana pihak menganggap beliau sebagai yang terbaik dalam kalangan Perdana Menteri sebelum ini.

Sebaliknya, beliau menegaskan setiap Perdana Menteri mempunyai jasa kepada rakyat dan negara ini mengikut zaman masing-masing.

"Saya tidak boleh kata saya lebih baik daripada Tunku (Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj) dan kemudiannya diteruskan oleh Tun Razak (Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein) dan pemimpin seterusnya yang menjadi Perdana Menteri.

"Namun, yang penting bagi saya ialah untuk melakukan yang terbaik dalam zaman latta ini. Sejarah akan menilai kita dan saya berazam akan lakukan yang terbaik untuk rakyat dan negara, saya tidak ada niat lain," katanya.

Beliau berucap demikian pada majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri anjuran Majlis Bekas-Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Selangor di sini hari ini.

Yang hadir sama, Yang Dipertua Mubarak Selangor, Tan Sri Abu Hassan Omar dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri, Datuk Seri Noh Omar serta hampir 2,000 ahli-ahli parti komponen serta veteran BN yang turut menyatakan sokongan padu terhadap Najib dan kepengimpinannya sebagai Perdana Menteri.

Perdana Menteri menambah, mana-mana individu tidak boleh menentukan kepimpinan negara ini melainkan dilakukan oleh parti dan



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan ucapan kepada ahli-ahli Mubarak dan UMNO Selangor dalam majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri di Klang, semalam. - MINGGUAN/IZHAM JAAFAR

majoriti rakyat.

"Selagi parti sokong saya (sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri) saya akan terus memimpin. Selagi rakyat sokong saya, saya akan terus berbakti kerana kita ada banyak lagi agenda yang perlu kita lakukan.

"Kita tidak mampu lagi untuk

bercerai-berai, pemimpin-pemimpin diadu dombakan, menyebarkan sesuatu sehingga menghilangkan keyakinan terhadap pemimpin. Kita terima kritikan yang membina dan konstruktif, tetapi kalau ada orang tebuk kapal dari dalam, yang ruginya nanti ialah parti yang kita cintai

ini," jelasnya.

Menguias mengenai kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadapnya, Najib menjelaskan, setiap Presiden UMNO dan Perdana Menteri pernah berhadapan dengan ujian kepimpinan masing-masing.

Malah, ketika Dr. Mahathir mengetuai UMNO katanya, bekas Perdana Menteri itu berhadapan dengan ujian pengharaman parti itu pada tahun 1987 termasuklah perpecahan di antara 'Team A' dan 'Team B' pada pemilihan yang meibatkan kedudukan jawatan Presiden parti.

"Apa kata Tun ketika itu... dia kata kalau menang satu undi pun dia tetap jadi Perdana Menteri, kerana siapa yang jadi Presiden UMNO secara automatik akan jadi Perdana Menteri. Dia menang majoriti tipis iaitu 43 undi beza 20 undi, tetapi maknanya hampir 50 peratus UMNO ketika itu menolak kepimpinannya tetapi dia terus memimpin dan tidak turun jawatan.

"Saya juga mengamalkan sistem (pemilihan) yang sama dan kalau hari ini orang sokong saya, kenapa saya perlu turun. Saya dipilih melalui proses demokrasi dan saya tidak dapat undi bonus kerana saya pinda perlembagaan UMNO supaya sistem pengundian parti lebih demokratik dan terbuka," katanya.

Berbanding perlembagaan UMNO dahulu katanya, untuk mencabar Presiden, seorang calon perlu mendapat pencalonan minimum 63 bahagian dan sistem itulah yang mengekalkan Dr. Mahathir sebagai Presiden selama 22 tahun.

Bagaimanapun, kata Najib, situasi itu kini berubah di bawah kepengimpinannya yang membenarkan semua ahli parti itu untuk bertanding apa jawatan yang diinginkan oleh mereka.

"Saya serah nasib saya kepada parti. Parti telah berikan mandat kepada saya, maka saya akan teruskan perkhidmatan sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Presiden Pas (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) pun faham, kata saya dipilih melalui sistem yang adil dan demokrasi," katanya.